

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BILANGAN 2 TAHUN 2013

=====

Pelaksanaan Tindakan Pelupusan Barang Rampasan Bagi Kesalahan Di Bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) supaya menggunakan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 9/2007: "*Kaedah / Tatacara Pelupusan Barang Rampasan / Hidupan / Ternakan Yang Telah Dilucuthak Atau Disifatkan Telah Dilucutkan Kerana Kesalahan Di Bawah Seksyen 425 Atau 426 Kanun Tanah Negara, 1965 Untuk Pemakaian Oleh Pejabat Tanah di Selangor*" sebagai panduan untuk tindakan pelupusan barang rampasan di bawah kesalahan seksyen 426 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

2. Suatu notis peringatan terakhir berkenaan dengan tawaran kompaun hendaklah diserahkan kepada pesalah/agen/pemilik barang rampasan yang sah dengan diberikan tempoh empat belas (14) hari untuk bayaran kompaun dijelaskan dari tarikh notis tersebut diterima sebelum tindakan pelupusan dijalankan. Penyampaian notis tersebut hendaklah teratur dan menurut seksyen 430 KTN hingga seksyen 433 KTN.

3. **Arahan ini adalah berkuat kuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah** hendaklah memastikan arahan ini dilaksanakan.

(DATO KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

D.P.M.S.S.I.S,A.I.S,P.P.T

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 6/3/2013